

## Henti pembelian panik, undang manipulasi harga dan bekalan dalam pasaran

Mac 17, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



**KUALA LUMPUR, 17 Mac** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) meminta orang ramai **MENGHENTIKAN** pembelian barangan secara panik.

Tegas KPDNHEP dalam Twitternya, bekalan makanan, keperluan asas dan penjagaan kesihatan dalam negara mencukupi untuk semua masyarakat Malaysia.

Pengguna yang prihatin dinasihat hanya melaksanakan pembelian barang mengikut keperluan semasa sahaja.

Tindakan pembelian panik akan mewujudkan manipulasi harga dan bekalan dalam pasaran.